

PEMBELAJARAN MAYA: PERSEPSI DAN SIKAP PELAJAR TERHADAP MOODLE

Agatha Francis Umbit

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sikap dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran maya menggunakan moodle dalam kalangan pelajar. Seramai 81 orang pelajar dalam pelbagai pengkhususan Program Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (PDPLI) terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan secara deskriptif dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Dapatan kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif yang merangkumi taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar PDPLI bersikap agak positif dan mempunyai kesedaran bahawa sistem moodle dapat membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tugas dan pelajaran. Mereka juga sedar bahawa sistem yang mudah guna memerlukan latihan agar mendapat kebergunaan serta menimbulkan niat untuk guna semula sistem tersebut.

Kata Kunci: Moodle, pembelajaran maya, tanggapan kebergunaan, mudah guna, niat guna

Abstract

This study investigated the perception and attitudes towards virtual learning through moodle among teachers. Eighty-one students in different field participated in this study. This study is based on descriptive analysis using questionnaire, which is distributed using online survey. The findings were analyzed using descriptive analysis which covers the distribution frequency, percentage, mean and standard deviation. Findings showed that respondents are quite positive and they were aware towards the usage of moodle in helping them with their learning process and assignments. They also agreed that ease use of moodle need training to provide benefits and encourage intention use for the system.

Keywords: Moodle, virtual learning, perceived usefulness, ease use, intention use

PENDAHULUAN

Teknologi telah membawa suatu perubahan di dalam bilik darjah, baik dari segi pengajaran mahupun pembelajaran. Pembelajaran kini boleh dilaksanakan secara maya dengan syarat persekitaran itu mempunyai rangkaian internet atau WiFi yang baik. Pembelajaran ini dikenali sebagai pembelajaran maya atau e-pembelajaran. Salah satu sistem yang digunakan bagi membantu pendidik, tenaga pengajar dan pelajar dalam melaksanakan pembelajaran maya ialah sistem moodle. Moodle adalah salah satu perisian sumber terbuka dan dikenali sebagai sistem

pengurusan pembelajaran (LMS). Pembelajaran melalui Moodle membolehkan tenaga pengajar dan pelajar menimba ilmu pengetahuan baharu, membantu perkongsian maklumat, mengadakan perbincangan melalui fungsi yang tersedia, yang mana boleh dilaksanakan secara maya. Boleh dikatakan bahawa sistem moodle menyediakan pangkalan data yang membenarkan guru dan pelajar mengikuti prestasi mereka apabila markah, tempoh masa, kekerapan penggunaan diperolehi hasil daripada aktiviti yang disediakan (Zaleha Ismail & Siti Mariyam Kamaludin, 2011).

Secara tidak langsung, moodle menggalakkan tenaga pengajar dan pelajar mengintegrasikan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran secara maya. Oleh itu, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah menyedari keperluan dan kepentingan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara maya dalam bidang pendidikan. Sehubungan itu, IPGM telah memperkenalkan sistem moodle untuk digunakan bagi pelajar-pelajar jarak jauh dengan tujuan agar memudahkan pelajar berinteraksi dengan tenaga pengajar pada bila-bila masa.

Dengan itu, moodle telah diperkenalkan kepada pelajar PDPLI ambilan 2017 pada tahun 2018. Sistem ini agak baru dalam pengajaran dan pembelajaran di IPGKBL dan memberi suatu pengalaman kepada pelajar-pelajar ini. Oleh itu, kajian ini cuba menganalisis faktor yang mempengaruhi sikap terhadap pembelajaran maya melalui moodle dari segi penerimaan pelajar. Penerimaan pelajar itu dilihat dengan mengintegrasikan dua model iaitu model Technology of Acceptance (TAM) dan Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT). Kedua-dua model ini penting dalam memperlihatkan Moodle sebagai sistem menyokong pembelajaran maya bagi pelajar jarak jauh. Selain sikap terhadap penerimaan terhadap moodle, persepsi pelajar terhadap moodle juga perlu diertimbangkan kerana persepsi ini dapat memberi kepuasan kepada pelajar dan akan menimbulkan niat untuk guna semula sistem itu di masa hadapan.

TECHNOLOGY OF ACCEPTANCE (TAM)

Technology Acceptance Model (TAM) atau Model Penerimaan Teknologi yang dicadangkan oleh Davis (1993) merupakan model yang diadaptasi daripada *Theory of Reasoned Action (TRA)* yang dibangunkan oleh Ajzen dan Fishbein (1980). TRA menjelaskan bahawa niat adalah peramal yang kuat bagi konstruk niat (Ajzen dan Fishbein, 1975). Davis (1989) pula meramalkan bahawa penerimaan terhadap sesuatu teknologi adalah berdasar kepada dua faktor utama iaitu tanggapan kebergunaan (TK) atau *perceived usefulness* dan tanggapan mudah diguna (TMG) atau *perceived ease of use*. Tanggapan kebergunaan (TK) merujuk kepada sejauh mana seseorang percaya bahawa penggunaan sistem tertentu akan meningkatkan prestasi kerjanya, dan Tanggapan mudah guna (TMG) pula merujuk kepada sejauh mana seseorang percaya bahawa sistem itu dapat digunakan dengan mudah dan bebas atau sebaliknya. Mengikut TAM (Davis *et al.*, 1989) konstruk yang memberi kesan langsung adalah tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna dengan menggabungkan variabel-variabel daripada kajian lepas bagi mempengaruhi niat menggunakan teknologi. Oleh itu, tanggapan mudah guna boleh mempengaruhi

tanggapan kebergunaan yang bermaksud jika seseorang berfikir bahawa sistem tersebut mudah digunakan maka sistem tersebut berguna baginya

Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT)

Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT) merupakan salah satu model penerimaan teknologi terkini yang dikembangkan oleh Venkatesh dan Davis (2003). UTAUT menggabungkan lapan model yang mempunyai ciri-ciri dalam teori penerimaan teknologi untuk menjadi satu teori yang popular. Teori-teori yang disatukan dalam UTAUT ialah *theory of reasoned action* (TRA), *technology acceptance model* (TAM), *motivational model* (MM), *theory of planned behavior* (TPB), *combined TAM and TPB*, *model of PC Utilization* (MPTU), *innovation diffusion theory* (IDT) dan *social cognitive theory* (SCT). Setelah menilai model-model yang dinyatakan, Venkatesh dan Davis (2003) memperkenalkan tujuh pemboleh ubah yang menjadi penentu langsung yang signifikan terhadap *behavioral intention* atau *use behavior* dalam satu atau lebih di model masing-masing. Variabel-variabel tersebut adalah Jangkaan Prestasi, Jangkaan Usaha, Pengaruh Sosial, Keadaan Kemudahan (*facilitating conditions*), Sikap terhadap Penggunaan Teknologi dan Kecekapan Diri. Venkatesh *et al.*, (2003) membuat pengujian lebih lanjut terhadap UTAUT.

Model TAM dan kajian lepas menjelaskan bahawa mudah guna dan tanggapan kebergunaan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat guna semula, namun masih terdapat jurang penyelidikan yang harus diisi. Kajian yang dijalankan oleh Zul Fikri, (2013), Ab. Hamid Ali *et al.*, (2014), Faradillah Iqmar Omar (2014) serta Abu-Shanab dan Ababneh (2015) mengemukakan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan antara tanggapan kebergunaan dan mudah guna dengan niat menggunakan e-pembelajaran. Kajian yang dilaksanakan oleh Agatha Francis Umbit (2016) menunjukkan wujud pengaruh kesignifikan antara kebergunaan dan mudah guna terhadap kepuasan menggunakan e-pembelajaran. Namun kajian oleh Rhema *et al.*, (2013) tidak menunjukkan kesignifikan antara mudah guna dengan niat serta sikap yang rendah terhadap e-pembelajaran. Dapatan yang sama dengan Rhema dan Miliszewska, (2014) yang menyatakan bahawa elemen seperti pengalaman dalam e-pembelajaran, akses ke teknologi, dan jantung mempunyai pengaruh terhadap niat guna. Oleh itu, kajian ini menggunakan elemen seperti mudah guna, kebergunaan, keadaan kemudahan dan niat untuk guna semula yang terdapat pada kedua-dua model untuk melihat sikap dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran maya melalui moodle serta jurang dengan kajian lepas.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini telah dilaksanakan bagi mencapai dua objektif berikut:

1. Menenal pasti persepsi pelajar terhadap pembelajaran maya menggunakan moodle dalam kalangan pelajar PDPLIambilan November 2017.
2. Mengkaji tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran maya menggunakan moodle dalam kalangan pelajar PDPLIambilan November 2017.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran maya menggunakan Moodle sebagai mod pembelajaran bagi program jarak jauh PDPLI ambilan November 2017 in IPGKBL. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif yang berbentuk soal selidik bagi memberi gambaran tentang kepuasan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar. Analisis kuantitatif menggunakan perisian SPSS versi 21.0 bagi memproses dan menganalisis data.

Kajian ini menggunakan empat konstruk dari model TAM (Davis, 1989) dan satu konstruk dari Model UTAUT (Venkatesh et al., 2003). Oleh itu, soal selidik diadaptasi dan mengandungi enam (6) bahagian iaitu Bahagian A merupakan bahagian berkaitan dengan maklumat demografi responden seperti jantina, umur, lokasi sekolah, pengalaman menggunakan moodle, dan kekerapan menggunakan moodle. Bahagian B bagi tanggapan kebergunaan dengan menggunakan sepuluh item, Bahagian C mengandungi sepuluh item bagi mengukur mudah guna, Bahagian D bagi sikap terhadap penggunaan moodle diukur dengan lima item manakala Bahagian E mengandungi lima item untuk mengukur niat untuk guna. Bahagian F pula iaitu keadaan kemudahan (*facilitating condition*) diukur menggunakan lima item. Item-item soal selidik dalam kajian ini direka menggunakan Google Form dan dihantar atas talian serta disesuaikan dengan konteks untuk menilai persepsi dan sikap pengguna. Pelajar dikehendaki memberi respons kepada setiap item dengan menggunakan skala Likert lima mata mengikut susunan “sangat setuju” sehingga “sangat tidak setuju”. Data yang dianalisis akan dibentangkan dalam bentuk peratus, min dan sisihan piawai. Nilai pekali kebolehpercayaan ‘Cronbach Alpha’ yang diperolehi bagi sampel ini (N-81) ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Nilai pekali kebolehpercayaan ‘Cronbach Alpha’ bagi instrumen kajian

| Bil | Item | Bilangan Item | Min | SP | Nilai Cronbach Alpha |
|-----|-----------------------|---------------|------|-----|----------------------|
| 1. | Tanggapan Kebergunaan | 10 | 3.27 | .95 | .90 |
| 2. | Mudah guna | 10 | 3.02 | .64 | .92 |
| 3. | Sikap penggunaan | 5 | 3.30 | .82 | .88 |
| 4. | Niat guna | 5 | 3.58 | .71 | .89 |
| 5. | Keadaan Kemudahan | 5 | 3.07 | .84 | .91 |

Populasi dan Sampel

Populasi bagi kajian ini ialah 89 orang pelajar bagi Program Diploma Pengajian Lepasan Ijazah (PDPLI) ambilan November 2017 yang mengambil kursus Pendidikan Agama. Mereka kurang berpengalaman menggunakan Moodle dan telah

menggunakan Moodle sebagai mod pembelajaran di IPG Kampus Batu Lintang selama setahun setengah. Kaedah bertujuan digunakan dengan memilih populasi yang menggunakan Moodle dan pengajian kursus Pendidikan Agama. Oleh itu, persepsi dan sikap mereka terhadap e-pembelajaran berasaskan moddle boleh diuji.

ANALISIS DATA

Data-data yang diperolehi daripada e-borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21.0 (*Statistical Package for Social Sciences version 21.0*). Item-item di bahagian A dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratusan. Sementara item-item dalam bahagian B, C, D, E dan F dianalisis menggunakan inferensi, iaitu min dan sisihan piawai. Bagi menentukan tahap sikap dan persepsi pelajar, skala Likert lima mata telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Skala penentuan tahap sikap dan persepsi dalam Jadual 2 telah digunakan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu seperti Tay (2015), Ameer (2013) serta Siti Fatimah dan Ab Halim (2010) dalam kajian yang telah dijalankan

Jadual 2

Penentuan Tahap Sikap dan Persepsi

| Kategori | Julat Min |
|-----------|-------------|
| Rendah | 1.00 – 2.99 |
| Sederhana | 3.00 – 3.99 |
| Tinggi | 4.00 – 5.00 |

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, 81 orang responden (91%) telah menjawab soal selidik atas talian menggunakan Google Form dan 8 orang responden (9 %) tidak mengembalikan soal selidik atas talian. Dari segi jantina seramai 52 responden atau 64.2% adalah perempuan manakala 29 atau 35.8 % adalah lelaki yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Bagi lokasi sekolah pula seramai 29 orang responden atau 35.8% mewakili pelajar dari bandar, seramai 35 orang atau 43.2% mewakili luar bandar, dan 17 orang atau 21% mewakili pelajar dari pedalaman. Jumlah responden adalah seramai 81 orang yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Demografi Responden

| | Kekerapan | Peratus (%) |
|-----------------------|-----------|-------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 29 | 35.8 |
| Perempuan | 52 | 64.2 |
| Umur | | |
| 21 – 25 | 9 | 11.1 |
| 26 – 30 | 64 | 79.0 |
| 31 - 35 | 8 | 9.9 |
| Lokasi Sekolah | | |
| Bandar | 29 | 35.8 |
| Luar Bandar | 35 | 43.2 |
| Pendalaman | 17 | 21 |

Dari segi umur pula, seramai 9 orang responden atau 11.1% berumur antara 21 hingga 25 tahun. Ini diikuti oleh seramai 64 orang atau 79 % berumur antara 26 hingga 30 dan seramai 8 orang atau 9.9 % berumur lebih daripada 31 tahun. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun merupakan bilangan pelajar yang paling ramai yang telah mengikuti program PDPLI seperti Jadual 3.

Pengalaman dalam Moodle

Jadual 4 menunjukkan pengalaman responden dalam moodle. Tiada responden dilaporkan mempunyai pengalaman dalam moodle dalam tiga tahun. 51.9 % (42 orang) pula tidak mempunyai pengalaman mengguna moodle. Sejumlah 28.4 % (23 orang) responden mempunyai pengalaman satu tahun mengguna moodle pada tahap sederhana, 14.8 % (12 orang) responden berpengalaman lebih empat tahun dan 4.9 % (4 orang) responden mempunyai pengalaman selama dua tahun.

Jadual 4

Pengalaman dan Kekerapan Penggunaan Moodle

| Pengalaman Mengguna Moodle (Tahun) | Kekerapan | Peratus |
|---|------------------|----------------|
| 0 | 42 | 51.9 |
| 1 | 23 | 28.4 |
| 2 | 4 | 4.9 |
| 3 | 0 | 0 |
| Lebih 4 tahun | 12 | 14.8 |
| Masa digunakan untuk Moodle (Jam) | | |
| 0 | 42 | 51.9 |
| 1 – 2 | 27 | 33.3 |
| 3 – 4 | 5 | 6.2 |
| Lebih 5 jam | 7 | 8.6 |

Kekerapan Penggunaan Moodle

Berdasarkan Jadual 4, 33.3 % (27 orang) responden menggunakan moodle antara satu hingga dua jam, 6.2 % (5 orang) responden menggunakan moodle antara tiga hingga empat jam dan 8.6 % (7 orang) responden menggunakan moodle lebih lima jam. Manakala, 51.9 % (42 orang) responden tidak ada masa untuk menggunakan moodle. Dapatan kajian menunjukkan kekerapan penggunaan moodle dalam menjalankan pembelajaran sangat rendah.

Jadual 5 menunjukkan dapatan kajian hasil analisis menggunakan ujian-*t* bagi menjawab perbezaan antara pengalaman menggunakan Moodle dengan umur. Dapatan kajian ini menunjukkan skor min pengalaman menggunakan Moodle ($M=1.98$, $SD=1.39$) adalah lebih kecil daripada umur ($M=1.99$, $SD=0.46$). Ini menunjukkan bahawa pengalaman menggunakan Moodle dan umur adalah sama. Analisis diteruskan dengan melihat keputusan ujian-*t* bagi pengalaman menggunakan Moodle dalam kalangan pelajar. Dapatan ujian-*t* menunjukkan bahawa nilai $F = 1.407$ manakala nilai $t = .948$ dan darjah kebebasan atau $df = 80$. Analisis ujian-*t* menunjukkan bahawa nilai signifikan $p = 0.346$, iaitu $p > 0.05$, maka tidak wujud perbezaan yang signifikan antara umur dan pengalaman dalam penggunaan Moodle.

Jadual 5

Analisis ujian-*t* antara pengalaman dan umur dalam penggunaan Moodle

| Variabel | Min | Sisihan Piawai | F | Nilai-<i>t</i> | df | Sig. (2-hujung) |
|-----------------|------------|-----------------------|----------|-----------------------|-----------|------------------------|
| Pengalaman | 1.98 | 1.39 | 1.407 | .948 | 80 | .346 |
| Umur | 1.99 | 0.46 | | | | |

*Signifikan pada tahap $p=0.05$

Tanggapan Kebergunaan

Elemen pertama yang dikaji terhadap Moodle adalah elemen tanggapan kebergunaan. Jadual 6 menunjukkan analisis data elemen tanggapan kebergunaan terhadap Moodle. Terdapat sepuluh item yang disediakan untuk menguji elemen tanggapan kebergunaan terhadap Moodle dalam kalangan responden. Elemen tanggapan kebergunaan terhadap Moodle secara keseluruhannya mencatatkan nilai min 3.29 dan sisihan piawai 1.03. Ini menunjukkan tahap sikap dan persepsi responden dari aspek tanggapan kebergunaan terhadap pembelajaran maya melalui moodle berada pada paras sederhana. Item 10 iaitu "Secara keseluruhannya, saya dapati Moodle berguna dalam pelajaran saya" mencatat nilai min yang tertinggi iaitu sebanyak 3.35. Diikuti oleh item 7 iaitu "Menggunakan Moodle menjadikannya lebih mudah untuk melakukan kerja saya". Mencatat nilai min sebanyak 3.33.

Jadual 6

Min dan Sisihan Piawai bagi Tanggapan Kebergunaan (N = 81)

| No Item | Item | Min | SP |
|-----------------|--|------|------|
| 1 | Menggunakan Moodle membantu saya mempelajari topik ini. | 3.30 | 1.15 |
| 2 | Menggunakan Moodle dalam kajian membolehkan saya mencapai tugas (Misalnya, Mempelajari topik, tugas) dengan lebih cepat | 3.30 | 1.02 |
| 3 | Menggunakan Moodle membolehkan saya berinteraksi dengan rakan-rakan dan bekerjasama dalam tugas. | 3.31 | 1.07 |
| 4 | Saya dapati Moodle berguna dalam pelajaran saya | 3.31 | 1.06 |
| 5 | Menggunakan Moodle meningkatkan jumlah topik yang boleh saya pelajari setiap hari. | 3.26 | 1.02 |
| 6 | Moodle meningkatkan keberkesanan saya dalam tugas saya | 3.22 | 0.99 |
| 7 | Menggunakan Moodle menjadikannya lebih mudah untuk melakukan kerja saya | 3.33 | 1.01 |
| 8 | Menggunakan Moodle, saya boleh berinteraksi dengan tutor dan mendapatkan jawapan kepada soalan saya dalam masa yang munasabah. | 3.27 | 0.99 |
| 9 | Moodle membolehkan saya mendapatkan maklumat dari sumber dalam talian (cth. Wikipedia, enjin carian, Internet | 3.22 | 0.97 |
| 10 | Secara keseluruhannya, saya dapati Moodle berguna dalam pelajaran saya. | 3.35 | 1.00 |
| Min Keseluruhan | | 3.29 | 1.03 |

Terdapat dua item yang mencatat nilai min yang sama iaitu item 1 dan 2 iaitu "Menggunakan Moodle membantu saya mempelajari topik ini" dan item kedua "Menggunakan Moodle dalam kajian membolehkan saya mencapai tugas (misalnya, mempelajari topik, tugas) dengan lebih cepat" yang mencatat nilai min sebanyak

3.30. Item 3 “Menggunakan Moodle membolehkan saya berinteraksi dengan rakan-rakan dan bekerjasama dalam tugas” dan item 4 iaitu “Saya dapati Moodle berguna dalam pelajaran saya” mencatat nilai min sebanyak 3.31. Item 8 iaitu “Menggunakan Moodle, saya boleh berinteraksi dengan tutor dan mendapatkan jawapan kepada soalan saya dalam masa yang munasabah”. Mencatat nilai min 3.27 dan item kelima iaitu “Menggunakan Moodle meningkatkan jumlah topik yang boleh saya pelajari setiap hari” mencatat nilai min sebanyak 3.26.

Dari segi tanggapan kebergunaan moodle tidak membantu responden dalam pencarian maklumat dengan berkesan bagi meningkatkan keberkesanan tugas mereka. Buktinya item 6 “ Moodle meningkatkan keberkesanan saya dalam tugas saya” dan item 9 “Moodle membolehkan saya mendapatkan maklumat dari sumber dalam talian seperti Wikipedia, enjin carian dan Internet” mencatatkan skor yang sederhana iaitu 3.22 dengan sisihan piawai 0.99. Namun, responden setuju bahawa model amat berguna (tanggapan kebergunaan) dalam pelajaran mereka, mencatat nilai min sebanyak 3.35 dengan sisihan piawai 1.00.

Tanggapan Mudah Guna

Aspek yang menjadi tumpuan dalam analisis dapatan tentang tanggapan mudah guna ialah persepsi responden tentang interaksi dan penggunaan moodle dalam membantu pembelajaran maya yang lebih berkesan. Secara amnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden dapat menggunakan moodle dengan memuaskan dengan min keseluruhan 3.03 iaitu pada tahap sederhana. Dari aspek interaksi melalui moodle, dapatan kajian mencatatkan min terendah iaitu 2.93 bagi item 13 “Berinteraksi dengan Moodle sering mengecewakan” seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7

Min dan Sisihan Piawai bagi Mudah Guna (N = 81)

| No Item | Item | Min | SP |
|-----------------|--|------|------|
| 11 | Saya dapati Moodle tidak mudah digunakan. | 2.84 | 0.91 |
| 12 | Belajar menggunakan alat Moodle mudah untuk saya. | 3.20 | 0.86 |
| 13 | Berinteraksi dengan Moodle sering mengecewakan. | 2.93 | 0.86 |
| 14 | Moodle mempunyai kekangan untuk berinteraksi dengannya. | 2.96 | 0.86 |
| 15 | Moodle tidak fleksibel untuk berinteraksi. | 2.96 | 0.81 |
| 16 | Sangat mudah bagi saya untuk mengingati cara melaksanakan tugas menggunakan Moodle | 3.17 | 0.82 |
| 17 | Berinteraksi dengan Moodle memerlukan banyak usaha mental. | 2.96 | 0.84 |
| 18 | Interaksi saya dengan Moodle jelas dan mudah difahami | 3.09 | 0.85 |
| 19 | Menggunakan Moodle memerlukan banyak usaha mental | 2.96 | 0.93 |
| 20 | Secara keseluruhan, saya dapati Moodle mudah digunakan. | 3.21 | 0.90 |
| Min Keseluruhan | | 3.03 | 0.86 |

Begitu juga dengan item 14, 15, 17 dan 19 yang mencatatkan skor min yang rendah iaitu 2.96. Ini menunjukkan responden mempunyai persepsi yang amat negatif bahawa pembelajaran maya melalui moodle tidak membantu dan kurang sesuai digunakan untuk berinteraksi dengan tenaga pengajar. Terdapat responden kurang bersetuju bahawa moodle tidak membantu melaksanakan tugas. Item-item ini mencatatkan skor min 3.20 dan 3.17 dengan masing-masing dengan sisihan piawai 0.86 dan 0.82. Ini menunjukkan wujudnya perbezaan pandangan dalam kalangan responden tentang persepsi mudah guna pembelajaran maya melalui moodle dalam membuat tugas serta belajar menggunakan moodle.

Sikap Terhadap Penggunaan

Berkaitan dengan sikap terhadap penggunaan, hasil kajian mencatatkan min keseluruhan tahap sederhana iaitu 3.30 seperti yang ditunjukkan pada Jadual 8. Semua item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8 mendapat skor min pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa sikap responden terhadap penggunaan pembelajaran maya melalui moodle adalah sederhana positif. Buktinya item 23 "Saya suka idea menggunakan Moodle" mencatatkan skor tertinggi iaitu 3.36 dengan sisihan piawai 0.87. Item 22 "Saya percaya ia adalah idea yang baik untuk menggunakan moodle untuk kursus saya" mencatat nilai min sebanyak 3.35. Ini membuktikan bahawa responden mempunyai sikap positif terhadap penggunaan

moodle serta mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyenangkan dalam kalangan pelajar semasa melaksanakan pembelajaran maya.

Jadual 8

Min dan Sisihan Piawai bagi Sikap Terhadap Penggunaan (N = 81)

| No Item | Item | Min | SP |
|-----------------|---|------|------|
| 21 | Saya mempunyai sikap yang lebih baik untuk menggunakan moodle | 3.27 | 0.91 |
| 22 | Saya percaya ia adalah idea yang baik untuk menggunakan moodle untuk kursus saya. | 3.35 | 0.87 |
| 23 | Saya suka idea menggunakan Moodle | 3.36 | 0.87 |
| 24 | Menggunakan Moodle memberikan saya banyak keseronokan. | 3.27 | 0.89 |
| 25 | Keseluruhan, saya suka menggunakan Moodle. | 3.26 | 0.88 |
| Min Keseluruhan | | 3.30 | 0.88 |

Niat Guna Semula

Dari aspek niat guna semula, dapatan kajian mencatatkan skor min pada tahap sederhana iaitu 3.24 dengan sisihan piawai 0.94 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Terdapat dua item yang mencatat skor min yang tertinggi iaitu item 28 "Saya berhasrat menggunakan Moodle dalam semester yang akan datang" dan item 30 "Saya merancang untuk menggunakan Moodle pada semester berikutnya". Kedua-dua item masing-masing mencapai skor min sebanyak 3.27. Dapatan menunjukkan responden mempunyai persepsi yang agak positif bahawa niat untuk menggunakan semula moodle dalam melaksanakan pembelajaran maya di masa hadapan. Ini juga boleh dibuktikan dengan item 27 "Saya akan mengamalkan Moodle pada masa akan datang" mencatatkan skor min 3.26 dengan sisihan piawai 0.93. Namun, responden kurang bersetuju untuk guna semula moodle dalam pembelajaran maya pada masa hadapan. Item ini mencatatkan skor min 3.19 dengan sisihan piawai nilai hampir 1. Hal ini wujudnya perbezaan pandangan dalam kalangan responden tentang niat untuk guna semula moodle dalam melaksanakan pembelajaran maya.

Jadual 9

Min dan Sisihan Piawai bagi Niat untuk Guna (N = 81)

| No Item | Item | Min | SP |
|-----------------|--|------|------|
| 26 | Saya berhasrat menggunakan Moodle sekerap mungkin | 3.19 | 0.96 |
| 27 | Saya akan mengamalkan Moodle pada masa akan datang. | 3.26 | 0.93 |
| 28 | Saya berhasrat menggunakan Moodle dalam semester yang akan datang. | 3.27 | 0.95 |
| 29 | Saya meramalkan saya akan menggunakan Moodle pada semester berikutnya. | 3.23 | 0.91 |
| 30 | Saya merancang untuk menggunakan Moodle pada semester berikutnya. | 3.27 | 0.95 |
| Min Keseluruhan | | 3.24 | 0.94 |

Keadaan Kemudahan

Secara amnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden agak bersetuju bahawa pihak institut menyediakan kemudahan dalam penggunaan moodle dengan skor min pada tahap sederhana iaitu 3.07 dengan sisihan piawai 0.92 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10. Semua item mencatatkan skor min melebihi 3. Item institut menyediakan semua kemudahan yang diperlukan untuk Moodle dan institut memberi peluang menggunakan Moodle mencatatkan skor min paling tinggi iaitu 3.12 dan 3.11 masing-masing. Namun, responden kurang bersetuju bahawa institut memberi latihan dan insentif apabila pelajar menggunakan moodle. Item-item ini mencatatkan skor min 3.04 dan 3.02 dengan sisihan piawai agak tinggi kerana menghampiri nilai 1. Ini menunjukkan wujudnya pertentangan pendapat dalam kalangan responden terhadap empat item ini.

Jadual 10

Min dan Sisihan Piawai bagi Keadaan Kemudahan (N = 81)

| No Item | Item | Min | SP |
|-----------------|--|------|------|
| 31 | Institut saya telah menyediakan semua kemudahan yang saya perlukan untuk Moodle. | 3.12 | 0.91 |
| 32 | Infrastruktur ICT di institut saya boleh didapati apabila saya memerlukannya. | 3.06 | 0.86 |
| 33 | Institut saya memberi saya peluang untuk Moodle. | 3.11 | 0.93 |
| 34 | Institut saya memberi insentif kepada pelajar yang menggunakan Moodle | 3.02 | 0.96 |
| 35 | Institut saya telah menyediakan latihan untuk saya menggunakan Moodle | 3.04 | 0.94 |
| Min Keseluruhan | | 3.07 | 0.92 |

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan julat min yang telah ditetapkan, didapati bahawa purata min yang diperolehi untuk semua elemen sikap dan persepsi penggunaan moodle dalam melaksanakan pembelajaran maya adalah pada tahap sederhana dengan skor min 3.19 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap dan persepsi yang agak positif terhadap penggunaan moodle dalam melaksanakan pembelajaran maya. Mereka juga sedar dan mempunyai tanggapan kebergunaan yang agak positif tentang pembelajaran melalui moodle serta percaya bahawa moodle boleh membantu meningkatkan keberkesanan semasa membuat tugasan atau pelajaran. Mereka mengaku bahawa moodle menjadikan kerja mereka lebih mudah. Walaupun dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian-kajian oleh Davis (1989, 1992), Ventakesh et al. (2003), Zul Fikri, (2013), Ab. Hamid Ali *et al.*, (2014), Faradillah Iqmar Omar (2014) serta Abu-Shanab dan Ababneh (2015), namun penemuan kajian ini boleh dianggap agak baik dan berada pada tahap sederhana. Ini bermakna, persepsi dan sikap responden bukan dipengaruhi oleh elemen-elemen seperti tanggapan kebergunaan, mudah guna, penggunaan dan keadaan kemudahan sahaja. Niat untuk guna semula sistem moodle boleh dipengaruhi oleh elemen-elemen lain seperti yang dinyatakan dalam kajian Rhema *et al.*, (2013), Rhema dan Miliszewska, (2014) serta Putu Adi Putra Arimbawa, Surachman dan Ananda Sabil Hussein (2017). Oleh itu, dicadangkan pengkaji-pengkaji yang ingin membuat kajian lebih lanjut bolehlah menggunakan elemen-elemen lain dalam kajian mereka pada masa hadapan.

Jadual 11

Purata min setiap elemen sikap dan persepsi penggunaan moodle

| Elemen | Min | Tahap |
|-------------------------|------|-----------|
| Tanggapan Kebergunaan * | 3.29 | Sederhana |
| Mudah Guna | 3.03 | Sederhana |
| Sikap Penggunaan * | 3.30 | Sederhana |
| Niat Guna Semula * | 3.24 | Sederhana |
| Kemudahan keadaan | 3.07 | Sederhana |
| Min Keseluruhan | 3.19 | |

Sistem moodle perlu diperkenalkan kepada pelajar terutama pelajar-pelajar yang berada di luar bandar dan pendalaman sebagai suatu alternatif dalam proses pembelajaran yang jarak jauh. Tujuannya agar semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana mereka berada. Kaedah ini juga diambil sebagai satu langkah bagi mengelak pelajar tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran serta boleh melihat kekerapan pelajar menggunakan sistem ini.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden berniat untuk menggunakan semula sistem moodle dalam menjalankan pembelajaran maya di masa hadapan. Namun begitu, mereka mengaku bahawa mereka memerlukan latihan dan kemudahan menggunakan moodle. Latihan yang diterima oleh responden dapat menggalakkan penggunaan sistem moodle lebih fleksibel, mudah diguna serta

menimbulkan niat untuk guna semula sistem tersebut. Oleh itu, pihak institut perlu memberi perhatian bagi elemen kemudahan keadaan agar dapat menyediakan latihan dan kemudahan yang baik untuk responden. Misalnya, jalur lebar yang berkapasiti tinggi, kemudahan WiFi di semua persekitaran institut dan penyediaan hotspot.

Impak penggunaan moodle dalam melaksanakan pembelajaran maya yang ketara adalah kepada elemen tanggapan kebergunaan responden tentang mempelajari kursus berdasarkan topik demi topik. Responden sedar bahawa pembelajaran sebegini memudahkan mereka mengikuti dan memahami pelajaran berlandaskan kemampuan serta keupayaan diri. Mereka juga berpeluang berinteraksi dengan tenaga pengajar dan rakan-rakan walau pun berada di tempat yang jauh. Cabaran yang ketara adalah dari segi kemahiran dan pengetahuan penggunaan moodle. Oleh itu, dicadangkan diadakan kursus atau latihan supaya mereka mendapat pendedahan, kefahaman dan pengetahuan yang lebih luas tentang penggunaan moodle dalam melaksanakan pembelajaran maya. Dengan itu, sistem moodle mudah diguna dan difahami oleh responden sebelum mereka mengikuti kursus keguruan di institut.

RUJUKAN

- Ab. Hamid Ali, Fadzli Adam dan Wong, Wan Solihin Abdullah. (2014). Penerimaan blog sebagai medium agama dalam kalangan pelajar IPTA di *Malaysia. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014*, 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
- Abu-Shanab, E. & Ababneh, L. (2015). Exploring Academicians Acceptance of E-Learning Using an Extended TAM: The Case of Yarmouk University. *Journal of Network Communications and Emerging Technologies (JNCET)*, 1 (1), 1 – 5.
- Agatha Francis Umbit. (2016). Pengaruh Penerimaan terhadap Kepuasan E-pembelajaran dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Guru di Sarawak. *Proceeding The 2016 Jambi International Seminar on Education (JISE) Jambi, Sumatera, Indonesia*, 3-4 April 2016.
- Ameer Hazim. (2013). Kepimpinan Teknologi Pentadbir dan Hubungannya dengan Aplikasi ICT Guru.
- Davis F., Bagozzi R., & Warshaw P. (1992). Extrinsic and intrinsic motivation to use computer in the workplace. *Journal of Applied Social Psychology*, 22(14), 1111-1132.
- Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, and User Acceptance of Information Technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319–339.
- Fadhilah Mat Yamin & Wan Hussain Wan Ishak. (2016). Penerimaan dan Kepuasan Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Pengurusan Pembelajaran *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'16)*

- Faradillah Iqmar Omar. (2014). Penerimaan media sosial sebagai medium dakwah dalam kalangan Mahasiswa Kuis. *Proceedings of the Conference on Management and Muamalah (COMM 2014)*, 26 -27 May 2014.
- Putu Adi Putra Arimbawa, Surachman & Ananda Sabil Hussein. (2017). Pengaruh Persepsi dan Sikap Pemain Terhadap Niat Menggunakan Mobile Game Menggunakan Technology Acceptance Model. *MIX: Jurnal Ilmiah Manajemen*, 7(3), 348-362
- Rhema, A. & Miliszewska, I. (2014). Analysis of student attitudes towards e-learning: The case of engineering students in Libya. *Issues in Informing Science and Information Technology*, 11, 169-190.
- Rhema, A., Miliszewska, I. & Sztendur, E. M. (2013). Attitudes towards e-learning and satisfaction with technology among engineering students and instructors in Libya. *Proceedings of Informing Science and IT Education Conference (InSITE)*.
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Bahan Bantuan Mengajar Berasaskan teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic Education*, 1(2), 53-64.
- Tay, M. G. (2015). Pembelajaran menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan*, 12, 18-33.
- Venkatesh, V., Morriss, M, G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). User acceptance of information technology: Toward a unified view. *MIS Quarterly*, 27, 425-478.
- Zaleha Ismail & Siti Mariyam Kamaludin. (2011). Pembangunan Bahan E-Pembelajaran Berasaskan Moodle Bagi Tajuk Straight Line Dan Circles III Matematik Tingkatan Empat
- Zul Fikri Zamri Mohamad Munir. (2013). Blog remaja mendepani era masa kini. *Dewan Siswa*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.